

INTERPRETASI SURAH AL-KAHFI, AYAT 32 HINGGA 46 DAN KORELASI DENGAN TEORI PERTANIAN: SATU TINJAUAN

Mohamad Shahril Bin Zainuddin; Ruslinawati Bt Abdul Ghani

Jabatan Pengajian Am/ Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Bandar Darulaman,
Jitra, Kedah

Jabatan Am, Politeknik METrO Tasek Gelugor, 13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang

Abstract: Kajian kualitatif ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan surah al-Kahfi, ayat 32 hingga 46. Juga untuk mengenal pasti kaitannya dengan teori-teori pertanian yang terkandung dalam ayat tersebut. Selanjutnya, penyelidik melakukan kajian deskriptif kualitatif dan analisis sebagai penjelasan data melalui tafsiran al-Quran, buku, jurnal, majalah, dan sebagainya. Malah, hasil kajian menunjukkan ayat ini juga menceritakan tentang pertanian melalui kisah dua orang pemuda. Seorang pemuda kaya yang mengingkari perintah Allah memiliki dua kebun yang subur dan seorang pemuda miskin yang beriman kepada Allah SWT. Namun, kekayaan yang dimiliki oleh pemuda kufur tidak kekal setelah kebun yang subur ditimpa bencana alam dan ini menjadi pengajaran bagi orang yang beriman. Ia selari dengan firman Allah SWT melalui surah al-Nahl, ayat 11 dengan terjemahannya; "Dia juga menumbuhkan kamu tumbuh-tumbuhan dan pohon-pohon zaitun dan tamar (kurma) dan anggur kerana hujan itu; dan juga semua jenis buah. Sesungguhnya yang demikian itu mengandung satu tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah) bagi kaum yang mahu berfikir."

Key words: interpretasi surah; surah al-Kahfi; ayat 32 hingga 46; korelasi; teori pertanian;

1.0 Pengenalan

Surah al-Kahfi, ayat 32 hingga 46, mengandungi kisah dua lelaki pemilik kebun yang mengandungi pelbagai pengajaran dan peringatan. Ayat-ayat ini menekankan kebergantungan manusia kepada Allah SWT dalam hal rezeki dan hasil usaha mereka. Terjemahan ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut:

وَاصْرِبْ لَهُم مِّثْلًا رَّحْلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا (٣٢) كَلَّا الْجَنَّتَيْنِ أَتَتْ أَكْثَرًا (٣٤) وَلَمْ تَطْلُمْ مِنْهُ شَيْئًا وَفَجَّرْنَا خِلَالَهُمَا نَهْرًا (٣٣) وَكَانَ لَهُ ثَمَرٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ نَفَرًا (٣٤) وَدَخَلَ جَنَّتَهُ وَهُوَ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ هَذِهِ أَبَدًا (٣٥) وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِنْ رُئِدْتُ إِلَى رَبِّي لَأَجِدَنَّ خَيْرًا مِنْهَا مُنْقَلَبًا (٣٦) قَالَ لَهُ صَاحِبُهُ وَهُوَ يُحَاوِرُهُ أَكَفَرْتَ بِالَّذِي خَلَقَكَ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ مِنْ نُطْفَةٍ ثُمَّ سَوَّاكَ رَجُلًا (٣٧) لَكِنَّا هُوَ اللَّهُ رَبِّي وَلَا أُشْرِكُ بِرَبِّي أَحَدًا (٣٨) وَلَوْلَا إِذْ دَخَلْتَ جَنَّتَكَ قُلْتَ مَا شَاءَ اللَّهُ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ إِنْ تَرَىٰ أَنَا أَقَلَّ مِنْكَ مَالًا وَوَلَدًا (٣٩) فَعَسَىٰ رَبِّي أَنْ يُؤْتِيَنَّ خَيْرًا مِنْ جَنَّتِكَ وَيُرْسِلَ عَلَيْهَا حُسْبَانًا مِنَ السَّمَاءِ فَتُصْبِحُ صَِصِيدًا زَلَقًا (٤٠) أَوْ يُصْبِحَ مَأْوَاهَا غَوْرًا فَلَنْ تَسْتَطِيعَ لَهُ طَلَبًا (٤١) وَأَجِيطْ بِثَمَرِهِ فَأُصْبِحَ يُقَلِّبُ كَفَّيْهِ عَلَىٰ مَا أَنْفَقَ فِيهَا وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَىٰ عُرْوَتِهَا وَيَقُولُ يَا لَيْتَنِي لَمْ أُشْرِكْ بِرَبِّي أَحَدًا (٤٢) وَلَمْ تَكُنْ لَهُ فِئَةٌ يَنْصُرُونَهُ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَمَا كَانَ مُنتَصِرًا (٤٣) هُنَالِكَ الْوَلَايَةُ لِلَّهِ الْحَقِّ هُوَ خَيْرٌ ثَوَابًا وَخَيْرٌ عُقْبًا (٤٤) وَاصْرِبْ لَهُم مِّثْلَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا كَمَا أَنزَلْنَاهُ مِنَ السَّمَاءِ فَاخْتَلَطَ بِهِ نَبَاتُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا تَذْرُوهُ الرِّيَّاحُ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُّقْتَدِرًا (٤٥) الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الدُّنْيَا وَالْبَاقِيَاتُ الصَّالِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

Seiring dengan itu, terjemahan ayat-ayat surah al-Kahfi bermula dari ayat 32 hingga ayat 46 adalah; perenggan (32). Dan berikanlah kepada mereka satu contoh: Dua orang lelaki, kami akan berikan kepada seorang daripada mereka, dua buah kebun anggur; dan kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pokok tamar, serta Kami jadikan di antara keduanya, jenis-jenis tanaman yang lain. (33). Kedua-dua kebun itu mengeluarkan hasilnya, dan tiada mengurangi sedikitpun dari hasil itu; dan Kami juga mengalirkan di antara keduanya sebatang sungai. (34). Tuan Kebun itu pula ada mempunyai harta (yang lain); lalu berkatalah ia kepada rakannya, semasa ia berbincang dengannya: "Aku mempunyai lebih banyak harta daripadamu, dan lebih berpengaruh dengan pengikut-pengikutku yang ramai." (35). Dan dia pun masuk ke kebunnya (bersama-sama dengan rakannya), sedang ia berlaku zalim kepada dirinya sendiri (dengan sebab kufurnya), sambil ia berkata: "Aku tidak fikir, kebun ini akan binasa selama-lamanya. (36). "Dan aku tidak fikir, hari kiamat akan berlaku; dan kalaulah aku dikembalikan kepada Tuhanku (sebagaimana kepercayaanmu), tentulah aku akan mendapat tempat kembali yang lebih baik daripada ini." (37). Berkatalah rakannya kepadanya semasa ia berbincang dengannya:

"Apakah wajar engkau kufur dan ingkar kepada Allah yang menciptakan engkau dari tanah, kemudian dari air benih, kemudian Dia membentuk kamu dengan sempurna sebagai lelaki? (38). "Tetapi aku sendiri percaya dan yakin sepenuhnya bahawa Dialah Allah, Tuhanku, dan aku tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku..(39). "Dan sepatutnya semasa engkau masuk ke kebunmu, hendaklah mengucapkan: "Masya Allah" (semuanya adalah apa yang dikehendaki Allah)! "La Quwwata Illa Billah" (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah)? Jika engkau memandangkan sangat kekurangan dari segi harta dan anak, berbanding denganmu. (40). "Maka mudah-mudahan Tuhanku akan mengurniakan kepadaku sesuatu yang lebih baik daripada kebunmu, dan (aku bimbang) Dia akan menimpakan kepadamu dengan bala, bencana dari langit, sehinggalah menjadikan kebunmu itu tanah yang licin dan tandus. (41). "Atau air kebun itu akan menjadi kering ditelan bumi, sehingga engkau tidak dapat mencarinya lagi." (42). Dan segala tanaman serta harta bendanya itupun binasa, lalu jadilah dia membalik-balik kedua tapak tangannya (kerana menyesal) terhadap segala perbelanjaan yang telah dibelanjakannya pada kebun-kebunnya, sedang kebun-kebun itu runtuh junjung-junjung tanamannya; sambil dia berkata: "Alangkah baiknya kalau aku tidak mempersekutukan sesuatu pun dengan Tuhanku!" (43). Dan ia tidak mendapat sebarang golongan yang boleh menolongnya, selain dari Allah; dan ia pula tidak dapat membela dirinya sendiri. (44). Pada saat yang sedemikian itu, kekuasaan memberi pertolongan hanya terhad kepada Allah, Tuhan yang sebenar-benarnya; Dia lah sebaik-baik pemberi pahala, dan sebaik-baik pemberi kesudahan yang berbahagia (kepada hamba-hamba-Nya yang taat). (45). Dan berikanlah kepada mereka satu contoh perbandingan: Kehidupan dunia adalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (lalu tumbuh subur) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering dan hancur ditiup angin; dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. (46) Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan." (al-Quran, 2011)

Berdasarkan penelitian para mufasir, perbincangan tentang surah *al-Kahfi* ayat 32 hingga 46 telah dilakukan oleh para ulama islam. Surah *al-Kahfi* adalah surah yang dikategorikan sebagai surah Makkiyyah kecuali ayat 28 yang diturunkan di Madinah yang khusus untuk Nabi Muhammad SAW dan orang-orang yang beriman. Menurut pandangan al-Hakim al-Naisaburi (al-Naisaburi, 1990) bahawa bilangan huruf ialah 6360 huruf, bilangan perkataan ialah 1577, dan bilangan ayat ialah 110 ayat. Begitu juga, mengikut Mushaf Uthmani, Surah *al-Kahfi* berada pada kedudukan yang kelapan belas selepas Surah *al-Israa'*. Antara kelebihan membaca surah *al-Kahfi* adalah untuk memelihara diri daripada fitnah Dajjal. Fakta ini disokong oleh beberapa hadis sahih. Antara hadis tersebut, hadis yang diriwayatkan oleh Abu Darda'. Terjemahan: "Barangsiapa di antara umatku yang menghafal sepuluh ayat dari awal surah *al-Kahfi* akan terselamat dari fitnah Dajjal." Begitu juga hadis yang lain yang telah diriwayatkan oleh Abu Darda'. Terjemahan: "Barangsiapa membaca sepuluh ayat terakhir dari surah *al-Kahfi*, dia akan diselamatkan dari fitnah Dajjal." Dalam konteks ini, menurut al-Hakim, Rasulullah SAW meriwayatkan hadis yang lain dengan terjemahan: "Sesiapa yang membaca surah *al-Kahfi* pada hari Jumaat, Allah akan terang di antara dua Jumaat." (al-Naisaburi, 1990) Kenyataan ini turut disokong oleh Wahbah al-Zuhaili yang menyatakan bahawa hadis-hadis di atas jelas menunjukkan kelebihan membaca atau menghafaz sepuluh ayat baik di awal surah mahupun di akhir Surah *al-Kahfi* yang menjadi benteng keselamatan daripada pendusta agama, iaitu Dajjal. Tambahan lagi Wahbah al-Zuhaili menyatakan bahawa Allah SWT akan memberikan cahaya (Nur) kepada orang yang membaca surah *al-Kahfi*. (Wahbah al-Zuhaili, 1998). Selanjutnya, kandungan surah *al-Kahfi* terdiri daripada empat kisah utama, kisah penghuni-penghuni gua "Ashab al-Kahfi", kisah pemilik dua buah kebun tanaman. "Ashab al- Jannatain", pengembaraan Nabi Musa a.s dan Yusya' Ibn Nun untuk bertemu Khidir dan kisah Dhu al-Qarnayn. Ia selaras dengan surah Yusuf, ayat 111 dengan terjemahannya:

"Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang berakal. Al-Quran itu bukanlah cerita yang dibuat-buat, tetapi membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan menjadi petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman."

Sehubungan dengan itu, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu:

1. Mengenal pasti tafsiran Ulama berkaitan *surah al-Kahfi*, ayat 32 hingga 46
2. Menentukan tafsiran *surah al-Kahfi*, ayat 40 hingga 46 menurut perspektif teori pertanian.

Pengkaji memilih *surah al-Kahfi* kerana kelebihan dan keistimewaannya. Menerusi *surah* ini juga didapati di antara empat kisah di dalam *surah al-Kahfi*, kisah pemuda pemilik dua buah kebun telah menjadi pilihan untuk dikaji. Kisah ini menarik untuk dikaji kerana terdapat kecenderungan para ulama untuk membincangkan hanya tiga kisah daripada empat kisah. Antaranya al-Sabuni. Menurut al-Sabuni hanya terdapat tiga buah kisah utama dalam *surah al-Kahfi* tanpa menyenaraikan kisah pemilik dua buah kebun sebagai salah satu daripada kisah al-Quran yang utama dalam *surah al-Kahfi* (al-Sabuni, T.th). Demikian juga hendaknya memandang serta memperoleh kejayaan di dunia dan akhirat dengan cara mendekatkan diri pada Allah SWT. dan menjadi orang yang disukai-Nya. Hal itu dijelaskan Allah SWT menerusi firman-Nya dalam *surah Ali 'Imran*, ayat 37 yang terjemahannya: “...*Sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak dikira.*” Selain itu, usaha manusia untuk mendapatkan rezeki adalah bergantung sepenuhnya kepada ketentuan Allah SWT. Firman Allah SWT dalam *surah Hud*, ayat 6 dengan terjemahannya: “*Dan tiadalah sesuatu pun daripada kalangan makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat dia kembali. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata (kepada para malaikat yang berkenaan).*” Ayat ini turut dikuatkan oleh Allah SWT dengan FirmanNya dalam *surah an-Nahl*, ayat 18 dengan terjemahannya, “*Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkannya kepada kamu), tiadalah kamu akan dapat menghitungnya satu persatu, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*” Justeru, setiap muslim perlu beriman hanya kepada Allah SWT dan dilarang meminta-minta daripada dukun atau bomoh.

Seterusnya adalah berkaitan dengan pertanian yang disebut oleh Allah dalam *surah al-Kahfi*, ayat 45. Jika diperhatikan dalam al-Quran, terdapat banyak ayat mengenai hasil tanaman dan buah-buahan yang pelbagai. Ini secara tidak langsung menunjukkan kepentingan industri pertanian daripada perspektif Islam. Namun industri pertanian ini mempunyai cabarannya. Antaranya dangkalnya ilmu berkenaan pertanian menyebabkan mereka tersalah urus yang menghasilkan kerugian. Dengan itu, pengkaji telah meneliti kajian-kajian lepas tentang ayat-ayat al-Quran yang bertemakan botani melalui buku, jurnal dan tesis dan disertasi. Secara umumnya, para penulis membincangkan topik yang sama. Antaranya, ayat al-Quran telah menyatakan kepentingan air kepada tumbuhan melalui firmanNya dalam *surah al-Haj*, ayat 5. Terjemahannya; “*Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah kami turunkan air ke atasnya hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang indah.*” Begitu juga dalam *Surah al-Qaf* (50): ayat 9-11, *surah al-An'am* (6): ayat 141, dan *surah al-Nahl* (16) : ayat 10-11. Ia telah disokong oleh kajian Muhammad Kamil Abdushshamad (2003) yang menyatakan bahawa mengikut perspektif sains bahawa setiap tumbuh-tumbuhan telah terukur unsur-unsurnya dalam kadar tertentu. Setiap unsur akan berbeza antara satu sama lain melalui cara penyerapan nutrisi dari akar ke batang, dahan, daun dan bunga. Antaranya unsur kalium karbonat yang terdapat di dalam biji jagung sebanyak 32 peratus (%), tebu 34.3% dan kentang 61.5%. Signifikan daripada kadar setiap unsur yang berbeza ini ialah setiap tumbuhan mempunyai fungsi yang berbeza. Ia selaras dengan kenyataan Allah SWT menerangkan bahawa Allah menurunkan dari awan, air hujan yang mencurah-curah yang menyebabkan biji-bijian tumbuh menjadi kebun yang subur, dan bertaut-taut pokoknya. (Muhammad Kamil, 2003) Menurut ayat al-Quran dalam *surah al-Naba'*, ayat 14-16 dengan terjemahannya: “*Dan Kami turunkan dari awan, air hujan yang tercurah dengan hebatnya, untuk kami tumbuhkan dengan air itu biji-bijian dan tanam-tanaman dan kebun-kebun yang rendah.*” Justeru kajian ini penting dilaksanakan untuk merungkai serta menjelaskan intipati *surah al-Kahfi* ayat 32 hingga 46.

2.0 Kajian Literatur

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji ini adalah kesinambungan daripada kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji yang terdahulu. Perbincangan ini dapat dikategorikan kepada dua kategori seperti dibawah ini.

2.1 surah al-Kahfi

Terdapat beberapa kajian dan pandangan telah dikemukakan oleh para penyelidik. Antaranya menerusi kajian oleh Siti Nur Aisyah Mohd Azemi Azman dan Sarinah Yahya bertajuk, Membangun Peradaban Islam Menurut al-Quran: Penelitian Surah al-Kahfi telah membincangkan tentang pembinaan sahsiah diri dan masyarakat. Menurutnya al-Quran merupakan aspek penting pembangunan peradaban Islam dari sudut material dan spiritual. (Siti Nur Aisyah Mohd Azemi Azman, 2019). Begitu juga, terdapat elemen yang lain. Antaranya aqidah, syariat dan akhlak. Begitu juga kajian oleh Wan Basyirah Abdul Majid telah menyatakan dalam kajiannya yang bertajuk Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah al-Kahfi bahawa terdapat nilai budaya daripada empat kisah dalam surah al-Kahfi. Antaranya kisah *Ashabul Kahfi*, kisah pemilik dua kebun, Kisah Musa bersama Khidir A.S dan kisah Zulkarnain berlandaskan Teori Orientasi Nilai Budaya (C.Kluckhohn, 1951) (Wan Basyirah Abdul Majid *et.all*, 2022). Menerusi kisah yang dikaji, pengkaji menyatakan terdapat nilai budaya yang berkait dengan permasalahan utama dalam kehidupan. Antaranya hakikat kehidupan manusia yang mempunyai nilai budaya, keimanan kepada Tuhan, ketaqwaan dan kesabaran. Disamping itu, Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohmad Rouyan, Universiti Sultan Zainal Abidin bertajuk Qissah Qur'aniyyah Dalam Surah al-Kahfi Menyerlahkan Pengajaran (Ibrah) dan fadilat surah. Penulis ini mengkaji pengajaran yang diperolehi menerusi empat kisah yang disebut dalam surah al-Kahfi. (Mohd Shahrizal Nasir, 2014). Jelaslah, keseluruhan kajian di atas ini adalah menjurus kepada bidang akidah, syariah dan akhlak sahaja. Tiada dibincangkan tentang kisah *ashab al- Jannatain* seperti yang dilakukan oleh pengkaji.

2.2 Pertanian

Dalam konteks ini, sektor pertanian merupakan sektor yang sangat penting kepada manusia. Pengkaji agronomi sentiasa mencari pelbagai penemuan baru termasuklah penggunaan baja dan teknologi. Menurut Francois dan Maurizio, pertanian merupakan aktiviti ekonomi dunia yang penting dan sebanyak 45 peratus penduduk dunia terlibat dalam sektor pertanian yang bersamaan dengan satu pertiga daripada permukaan bumi. (Francois & Maurizio, 2013). Menurut Pertubuhan Pertanian Makanan (FAO), sebuah organisasi di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Malaysia menggunakan sekurang-kurangnya 1.8 juta tan metrik urea setiap tahun untuk tanaman di negara ini. (FAO 2015). Namun begitu, petani yang mengusahakan pertanian belum tentu ada jaminan tanaman yang diusahakan akan tumbuh dengan baik sekiranya tidak mendapat keizinan daripada Allah SWT.

Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Naml, ayat 60, terjemahan: *Sebenarnya siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit untuk kamu? Kemudian Kami tumbuhkan taman-taman yang indah (yang menghijau) dengan air hujan, pohon-pohon itu kamu tidak dapat tumbuh dan tidak dapat menumbuhkannya. Adakah tuhan lain selain Allah? (Tidak!) bahkan mereka (orang musyrik) adalah kaum yang menyimpang dari kebenaran (tauhid).* Demikian pula menurut Firman Allah SWT dalam surah al-Mukminun, ayat 19 dan 20, terjemahannya ialah: *"Kemudian, Kami tumbuhkan untuk kamu dengan air itu kebun tamar (kurma) dan anggur. Kamu akan dapati di kebun-kebun itu (berbagai jenis) buah-buahan yang banyak, dan dari kebun-kebun itu kamu akan memperoleh rezekimu.(19) Dan (Kami juga menumbuhkan untukmu) pohon-pohon yang pada awalnya tumbuh di daerah Gunung Tursina, yang mengeluarkan minyak dan lauk bagi mereka yang makan." .*

Jelaslah, daripada ayat-ayat di atas menunjukkan bahawa pelbagai nikmat pertanian telah dikurniakan oleh Allah SWT melalui air hujan yang diberikan mengikut keperluan tumbuh-tumbuhan, manusia dan

haiwan. Seterusnya, air hujan ini menyuburkan tanah dan membolehkan tumbuhan tumbuh dengan banyaknya menjadi taman kurma, anggur dan buah-buahan lain. Buah-buahan dan tumbuhan ini tumbuh di kawasan melintang dan kawasan tanah tinggi di pergunungan dan menjadi makanan untuk keperluan manusia serta mengindahkan pemandangan alam sekitar.

3.0 Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif sepenuhnya dan kaedah pengumpulan data adalah melalui tinjauan literatur, manakala analisis kajian ini tertumpu kepada Surah al-Kahfi kisah pemilik dua kebun pada ayat 32-46. Selain itu, beberapa sumber lain berkaitan teori pertanian turut dirujuk bagi menyokong kajian ini. Penyelidikan tertumpu kepada al-Quran untuk mengenalpasti ayat-ayat yang berkait rapat dengan ayat-ayat yang melibatkan kisah seorang pemuda yang mempunyai dua kebun dan tidak beriman kepada Allah. Seterusnya, kajian ini memperoleh maklumat berkaitan, menerusi kajian kepustakaan. Maka, kaedah pengumpulan data yang akan dilakukan adalah melalui pengumpulan data tekstual untuk mendapatkan maklumat dan informasi daripada dua jenis sumber iaitu sumber primer berupa ayat-ayat al-Quran dan sumber sekunder seperti tafsir al-Quran, kitab hadis, tesis, jurnal dan artikel. Setelah proses pengumpulan data, penyelidikan akan dilaksanakan dengan menggunakan analisis deskriptif untuk mengenalpasti dan menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. (Jasmi, K. A. (2012). Antara perpustakaan yang dilawati oleh pengkaji untuk mendapatkan data dan maklumat ialah Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Perpustakaan Peringatan Za'ba, Universiti Malaya dan Perpustakaan digital bernama 'amrayn. com ' dan Tan Sri Dr Abdullah Sanusi *Digital Library*, Open University Malaysia. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan dua kaedah iaitu kaedah induktif dan kaedah deduktif. Kaedah induktif ialah cara menganalisis maklumat khusus dan kemudian membuat kesimpulan umum. Kaedah deduktif ialah cara menganalisis maklumat am dan kemudian membuat kesimpulan khusus melalui maklumat tersebut. Seterusnya pengkaji menganalisis tafsiran surah al-Kahfi, ayat 32 hingga 46 berdasarkan pandangan ulama tafsir, mengenal pasti konsep pertanian dan juga menganalisis integrasi pertanian dari sudut al-Quran dan sains. Kajian ini amat penting bagi Islam dalam mengetahui keistimewaan dan kelebihan surah al-Kahfi amnya dan ayat 32 hingga 46 khususnya. Seterusnya mencetuskan kajian-kajian yang lain tentang ayat al-Quran dan juga merupakan perintis kajian yang lebih luas dalam konteks al-Quran meliputi segala cabang ilmu berasaskan al-Quran sebagai petunjuk kehidupan manusia yang lengkap.

4.0 Dapatan dan Analisis

4.1 Mengenal pasti Tafsiran Ulama berkaitan surah al-Kahfi, ayat 32 hingga 46

Menurut Ibnu Kathir dalam kitabnya, surah *al-Kahfi*, ayat 32 hingga 36 menunjukkan bahawa Allah SWT telah berfirman dengan memberikan perumpamaan bagi kedua-dua golongan manusia (orang musyrik yang sombong dan enggan duduk bersama orang-orang Islam yang lemah dan miskin, serta yang menyombongkan diri ke atas mereka dengan harta dan kedudukannya) dengan dua orang. Salah seorang diberikan oleh Allah SWT dua buah kebun anggur yang dikelilingi pohon kurma. Di antara dua buah kebun itu terdapat ladang yang dipenuhi oleh pokok buah-buahan yang berbuah dan pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang sangat menyenangkan mata memandang. Disampingnya terdapat juga sistem pengairan yang mengairi kedua-dua buah kebun. Seterusnya, pemilik dua buah kebun itu telah bertengkar dan berdialog dengan kawannya dengan membanggakan diri. Dia memiliki kuasa yang besar, harta yang banyak, hamba dan pengikut serta anak yang ramai. Kata-kata ini menunjukkan bahawa dia telah tertipu dengan pemandangan dalam kebun yang ditumbuhi dengan pelbagai tumbuh-tumbuhan, buah-buahan, pokok-pokok dan sungai-sungai yang mengalir di sekelilingnya. Dia menyangka bahawa kebun itu tidak akan musnah, rosak atau binasa. Hal ini disebabkan oleh pemikirannya yang cetek dan lemahnya kepercayaan kepada Allah SWT serta kesombongannya terhadap kehidupan dunia dan perhiasannya serta kekufuran kepada kehidupan akhirat. (Ibnu Kathir, t.t)

Seterusnya, Firman Allah dalam *surah al-Kahfi*, ayat 32 dengan terjemahannya: Dan berilah mereka (Muhammad) sebuah perumpamaan dua kepada seorang (orang kafir) Kami berikan kepadanya dua kebun anggur dan Kami kelilingi mereka dengan pohon kurma dan di antaranya (kebun-kebun itu) Kami jadikan ladang. Dalam hal ini, Thanthawi Jauhari dalam tafsirnya menyatakan bahawa perkataan "wazhrib la hum masala" diterjemahkan sebagai, "Dan berikanlah (Muhammad) suatu perumpamaan). Maksudnya kepada orang yang kafir dan orang yang beriman, kepada orang yang melihat, dan kepada orang yang lupa. Perkataan "Rajulaini" (lelaki) diterjemahkan sebagai, dua bersaudara daripada Bani Israil atau penduduk Mekah. Ayat "Jaal na li ahadihima Jannataini" diterjemahkan sebagai salah satunya (orang kafir) dua buah kebun). Maksudnya taman-taman. Perkataan "min Aknabin" diterjemahkan sebagai pohon-pohon anggur. Maksudnya anggur. Ayat "wa Hafaf na huma bi Nakhlin" diterjemahkan sebagai, "dan kami mengelilingi dua taman dengan pokok kurma". Ia bermaksud menjadikan pokok kurma mengelilingi kebun. Ayat "wa Jaal na Baina Huma Zar'a diterjemahkan sebagai "antara keduanya kami jadikan ladang". Ia bermaksud menjadikan ladang dan tanah tempat tumbuh-tumbuhan mengumpul makanan asas, kacang, yang semuanya saling berkaitan dan berjalinjalin atau bercampur supaya tumbuh dengan baik serta cantik. Sementara itu, ayat seterusnya "Kilta al-Jannataini Aatat" diterjemahkan sebagai "hasil kebun". Maksudnya dua kebun itu. Perkataan "Ukulaha" diterjemahkan sebagai memberi makanan yang bermaksud buah. Perkataan "Minhu Syai an" diterjemahkan sebagai tidak dikurangkan sedikit pun. Ini bermakna buahnya tidak berkurangan sedikit pun. Perkataan "wa Fajjar na Khila Lahuma Nahara" diterjemahkan sebagai di celah-celah taman terdapat sungai yang mengalir. Ia bertujuan sebagai cara membekalkan air kepada tumbuhan, serta meningkatkan keindahan taman, dan dengan kehadiran sungai bermakna buahnya tidak berkurangan sedikit pun. Tambahan pula, Thanthawi Jauhari turut menjelaskan bahawa semuanya datang daripada Allah. Setiap manusia wajib mensyukuri segala kurniaan Allah SWT termasuklah keindahan yang menjelma berupa ladang dan tumbuh-tumbuhan di dalamnya. (Thanthawi Jauhari,)

Dalam konteks ini, ayat 37 hingga 41, telah dinyatakan oleh Ibnu Kathir bahawa Allah SWT berfirman dalam menceritakan jawapan yang diberikan oleh sahabatnya yang beriman sambil memberi nasihat dan mencela kekufuran dan kesombongannya terhadap Allah dengan menyatakan "Adakah kamu kufur kepada Tuhan yang menciptakan kamu dari tanah?" Ini adalah penolakan terhadap sahabatnya sekaligus mengagungkan Allah SWT. Kemudian, orang mukmin berkata: "*Tetapi aku (percaya bahawa) Dialah Allah, Rabbku.*" Iaitu, *tetapi saya tidak mengatakan seperti yang anda katakan, saya mengakui keesaan dan Rububiyyah Allah. "Dan aku tidak mempersekutukan seorang pun dengan Rabbku.*" iaitu, Dia adalah Allah, satu-satunya tuhan, yang tidak ada tandingannya dengan-Nya. Seharusnya, jika kebun itu membuat kamu bangga ketika kamu memasukinya dan kamu melihatnya, maka pujilah Allah atas nikmat yang telah dikurniakan-Nya kepadamu berupa harta benda dan zuriat yang tidak diberikan kepada selain kamu. Dan hendaklah kamu mengucapkan: *Ma Shaa Allah, Laa Quwwata Illaa Billaah*. Oleh sebab itu, sebahagian ulama Salaf menyatakan: "Sesiapa yang merasa bangga dengan keadaan, harta atau keturunannya sendiri, hendaklah dia mengucapkan: *Ma Shaa Allah, Laa Quwwata Illaa Billaah*". Ia disokong oleh sebuah hadis sahih, dari Abu Musa, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda kepadanya, terjemahannya: "Mahukah anda saya tunjukkan satu daripada khazanah Syurga? Itulah kalimat, *Laa Haula Walaa Quwwata Illaa Billaah* (tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolongan Allah). (Ibn, Kathir, 1998). Tambahan pula, Ibn 'Abbas, al-Dhahak, Qatadah dan Malik berkata, daripada al-Zuhri, ia bermaksud azab dari syurga. Penafsiran dari luar ayat tersebut menyatakan ia merupakan ketetapan dari langit. Hujan yang sangat lebat akan menumbangkan segala tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok. Kerana itu dia berkata "Fha Tusbiha Shoidan Zalakho" "Maka (kebun itu) menjadi tanah licin". Yakni, ia menjadi tanah yang licin dan sangat licin, tidak ada kaki seorang manusia boleh berdiri tegak. Ibn 'Abbas menyatakan ia adalah ladang yang tidak tumbuh tumbuh-tumbuhan. Seterusnya, firmanNya "Aw Yusbiha Ma Uu ha Ghawran". "diterjemahkan sebagai air surut ke dalam tanah, "iaitu, ia surut ke dalam bumi, dan ia adalah bertentangan dengan sumber yang mengeluarkan air. Di sini, orang itu berkata dengan terjemahannya "Atau air surut ke dalam tanah, jadi kadang-kadang anda tidak akan dapat mencarinya lagi." Perkataan *al-Ghaur* mempunyai status *mashdar* yang bermaksud *Ghaa-ir* (air surut), iaitu makna yang lebih tepat bagi perkataan "*al-Ghaur*".

Selanjutnya, menerusi ayat 42 hingga 43 pula, Ibnu Kathir menyatakan Allah SWT telah berfirman dengan terjemahannya, ‘Dan harta kekayaannya dibinasakan’ yakni seluruh harta kekayaannya. Menurut yang lain, ia adalah buah-buahnya. Maksudnya apa yang sebelum ini telah diperingatkan oleh sahabatnya yang beriman, iaitu pengirisan ketentuan (kebinasaan) kepada kebunnya kerana berbangga dengan dirinya dan menjadikan dirinya lupa kepada Allah SWT. Kenyataan ini telah disokong oleh Qatadah yang menyatakan, dia bertepuk kedua telapak tangan sambil menyesali harta kekayaannya yang telah dibinasakan oleh Allah SWT. Seterusnya dengan terjemahannya, *Dan dia berkata: “Alangkah baiknya aku dulu tidak mempersekutukan seorang pun dengan Rabbku. Dan tidak ada bagi dia sesiapa pun”* iaitu, keluarga atau keturunan, seperti yang pernah dibanggakan olehnya pada mereka. (Ibnu Kathir, 1998) Kemudian, pada ayat ini juga diterjemah; *Yang akan menolongnya selain Allah. Dan kadang-kadang dia tidak dapat mempertahankan dirinya. Di sana pertolongan itu hanyalah dari Allah yang Maha Haq.* Ayat ini para *Qurra’* (ahli qiraat) telah berbeza pendapat. Di antara mereka ada yang berhenti pada firman-Nya: “wa ma ka na Muntasira Huna Li ka” terjemahannya; “Dan kadangkala dia tidak dapat mempertahankan dirinya di sana”. Ayat di atas ini bermaksud, di situlah azab Allah akan menyimpannya sehingga tiada sesiapa pun yang dapat menyelamatkannya daripada azab itu. Dan kemudian dia menyambung membaca firman-Nya: “al-Wala, iaitu Allah al-Haq”. “Pertolongan itu hanyalah dari Allah Yang Maha Benar. Di antara mereka ada juga yang menghentikan bacaannya dengan firman-Nya: “wa ma ka na Muntasira”. Dan kadang-kadang mereka tidak dapat mempertahankan diri, dan memulakan bacaannya semula dengan firman-Nya: “Hu na lika al-Walayatu Lillahi al-Haq”. “Hanya pertolongan dari Allah yang Maha Bertakwa.” Selain itu, para ahli *Qurra’* juga berbeza pendapat dalam bacaan *al-Wilayah*. Di antara mereka ada yang membacanya dengan memberi aksara *fathah* kepada huruf *wawu* iaitu *al-Walaayah* yang bermaksud di situlah letaknya penyerahan diri kepada Allah. Ini bermakna bahawa di sana setiap orang, baik yang beriman mahupun yang tidak beriman, kembali kepada Allah dan kepada-Nya, jika mereka ditimpa azab. Ia seperti firman Allah SWT dalam surah *al-Mukmin*, ayat 84, terjemahan; Maka tatkala mereka melihat azab kami, mereka berkata: “Kami beriman kepada Allah sahaja dan kami kafir kepada tuhan-tuhan yang kami persekutukan dengan Allah.

Terdapat juga yang membaca dengan *harakat kasrah* di bawah *wawu* iaitu *al-Wilaayah* yang bermaksud hanya hukum Allah yang *Haq* sahaja yang berlaku. Ada juga yang membacanya dengan memberi aksara *dhammah* kepada huruf *qaaf* iaitu kepada kalimah *al-Haqqu* dengan anggapan bahawa kalimah ini adalah *na’at* (sifat) bagi kalimah *al-Wilaayah*. Ini sama seperti firman Allah SWT dalam surah *al-Furqaan*, ayat 26 dengan terjemahannya; “Kerajaan yang sebenarnya pada hari itu adalah kepunyaan *Rabb* yang Maha Pemurah. Dan itulah hari, hari yang penuh kesukaran bagi orang-orang kafir. Di antara mereka ada juga yang memberi sifat *kasrah* kepada huruf *Qaaf* dengan alasan perkataan itu *na’at* daripada perkataan *lillaa hi*. Hal ini sama seperti dalam surah *al-An’aam*, ayat 62 dengan terjemahannya: ‘Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah, Pemerintah mereka yang sebenarnya.’ Oleh itu, Allah SWT berfirman dengan terjemahannya “Dia adalah sebaik-baik pemberi pahala dan sebaik-baik pemberi balasan.” Yakni berbagai-bagai amal yang pahalanya di tangan Allah SWT adalah lebih baik dan diakhiri dengan hasil yang terpuji, yang semuanya baik. (Ibn. Kathir, 1998).

Seterusnya, Surah *al-Kahfi*, ayat 45, Allah SWT berfirman: “Waz rib”. “Berikan”, Wahai Muhammad kepada manusia, “masala al-Hayata al-Dunya”. “Perumpamaan bagi mereka tentang kehidupan dunia.” Yakni dalam kehancuran, kematian dan pengakhiran: “Kama a anzalnahu minaan al-Syama’u Faclatha bi hi Nabatu al-Ardhi”. “Ia seperti hujan yang Kami turunkan dari langit, maka tumbuh-tumbuhan di bumi menjadi subur.” Yakni segala yang ada di dalamnya berupa biji-bijian, kemudian tumbuh dengan indah dan naik meninggi serta menjadi bunga. Selepas itu, semuanya “Fa Ashbaha Hasyiiman Tazruhu al-Riyaah”. “menjadi kering, ditiup angin.” iaitu, ia dimusnahkan oleh tanah dan ditebang ke kanan dan kiri. “wa ka na Allah hu ‘ala Kulli Syai’ en Mukhtadira”. : Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.” Maksudnya, Dia Maha Berkuasa untuk membuat perkara seperti itu. Selalunya Allah beri perumpamaan tentang kehidupan dunia dengan perumpamaan ini. (Ibn. Kathir, 1998)

Surah *al-Kahfi*, ayat 32 hingga 46, menurut Ahmad Musthafa al-Maraghi, bahawa ayat ini adalah perumpamaan Allah SWT untuk menggambarkan ketaatan orang mukmin dan kedurhakaan orang kafir. Walaupun orang-orang kafir dikurniakan kesenangan, mereka tetap melakukan kemaksiatan kepada

Tuhamnya. Manakala orang-orang yang beriman juga mengalami kesusahan dan kemiskinan, tetapi mereka tetap taat kepada-Nya. Menerusi kisah ini, Allah SWT telah menerangkannya perumpamaannya dengan memberikan kisah seorang lelaki yang memiliki dua bidang tanah kebun anggur. Kebun ini dikelilingi pokok kurma, di tengah-tengah taman terdapat ladang yang ditanam dengan pelbagai jenis tumbuhan. Menurut al-Maraghi lagi, di dalam ladang ini terdapat juga pelbagai jenis tumbuhan dan pokok buah-buahan, yang saling berkait dan tersusun indah. Keindahannya lebih menyerlah apabila kedua-dua kebun menghasilkan hasil yang banyak selama bertahun-tahun. Allah juga menjadikan di tengah-tengah antara dua buah kebun itu anak sungai dari cabang sungai yang besar yang airnya sentiasa mengalir dan mengairi kedua buah kebun itu. Dijelaskan lagi bahawa dua orang pemuda ini adalah dua orang yang bersaudara dari Kaum Bani Israil. Saudara yang kafir bernama Biratus dan saudara beriman bernama Yahuza. Kisah mereka disebut dalam *surah al-Saffat*. Mereka mewarisi 8,000 dinar daripada bapa mereka. Saudara yang kafir membeli tanah dan rumah dari bahagiannya, manakala saudara yang beriman pula membelanjakan sebahagian dari harta pusakanya dengan amal soleh dan taat kepada Allah SWT. (al-Maraghi, 2001). Dalam konteks ini, Wahbah al-Zuhaili juga menjelaskan kisah *Ashab al-Jannatain* dalam tafsirnya merupakan gambaran dan perumpamaan bagi beberapa golongan manusia. Kisah dua orang pemuda, salah satunya pemilik dua kebun, adalah perumpamaan seorang kaya yang hartanya telah melalaikannya dan sombong terhadap Allah SWT. Manakala pemuda kedua pula menjadi contoh bagi orang yang beriman dan sentiasa mengingati Allah SWT. (al-Zuhaili, 2017). Tambahan lagi, kedua-dua pemuda mempunyai akhlak yang bertentangan antara satu sama lain. Seorang mempunyai akhlak yang buruk dan seorang lagi mempunyai akhlak yang baik. Pemuda yang berkelakuan buruk memiliki sifat sombong, tidak bersyukur kepada Tuhan, berbangga diri dan terlalu cintakan dunia. Sedangkan pemuda yang berkelakuan baik pula menunjukkan bahawa apa yang dimiliki adalah datang dari Allah dan patut disyukuri. Sayyid Qutb menambah, ayat ini menceritakan tentang dua orang lelaki dan dua buah kebun, Allah jadikan perumpamaan sebagai perumpamaan norma yang akan lenyap dan yang kekal. Perumpamaan yang menggambarkan seorang yang berbangga dengan kehidupan dunianya (sombong dengan kesenangan) dan seorang yang berbangga dengan keimanannya kepada Allah (sentiasa berzikir dan mengingati Tuhamnya). Dalam hal ini, Allah memberikan gambaran tentang dua buah kebun anggur yang sangat indah dan luas serta berbuah. Kedua-dua kebun itu dikelilingi oleh deretan pokok kurma, dan di tengah-tengah taman itu terdapat sungai yang mengalir di antara kedua-dua kebun. Gambaran ini adalah pemandangan yang sangat indah, iaitu gambaran keseronokan dunia. Namun, pemilik kebun bersifat sangat angkuh dan menyangka kedua kebunnya itu akan sentiasa menghasilkan buah tanpa berkurangan, tanpa mengingati Allah yang telah menumbuhkan segala yang ditanamnya. (Sayyid Qutb, 2000) Sementara itu, merujuk kepada al-Qurtubi, al-Kalbi menyatakan bahawa ayat ini menceritakan tentang dua orang lelaki yang tinggal di Mekah, salah seorang daripadanya seorang yang beriman, iaitu Abu Salmah Abdullah bin Abdul Asad bin Hilal bin Abdullah bin Umar bin Makhzum iaitu Ummu Salamah, suaminya sebelum beliau berkahwin dengan Nabi Muhammad SAW. Seorang lagi bernama al-Aswad bin Abdul Asad. Al-Kalbi juga menyatakan bahawa mereka mewarisi 14,000 dinar setiap orang. Salah seorang dari mereka, saudaranya yang beriman, menafkahkan sebahagian hartanya untuk beramal soleh dan taat kepada Allah SWT. (al-Qurtubi, 2000) Selanjutnya, dalam *surah al-Kahfi*, Allah SWT turut menjelaskan langkah terbaik untuk menyelamatkan diri daripada empat fitnah yang dinyatakan. Fitnah berkenaan harta yang diterangkan dalam kisah pemilik dua kebun dapat diselamatkan dengan memahami sifat sementara kehidupan dunia dan peringatan tentang alam akhirat yang kekal. Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya di dalam Al-Quran menerusi *surah al-Kahfi*, ayat 45 hingga 46 dengan terjemahannya: *Dan berikanlah mereka contoh perbandingan: kehidupan dunia ia sama seperti air yang Kami turunkan dari langit, kemudian tumbuh-tumbuhan di bumi bercampur antara satu sama lain (lalu tumbuh subur) kerana air itu kemudian kering dan dimusnahkan oleh angin dan (ingatlah) bahawa Allah Maha Perkasa. atas segalanya. Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan di dunia dan amalan-amalan soleh yang manfaatnya kekal abadi adalah lebih baik di sisi Tuhanmu sebagai balasannya, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.*

Jelaslah, keseluruhannya *surah al-Kahfi* mengandungi beberapa aspek utama yang berkaitan dengan akidah, memandangkan *surah* ini diturunkan di Mekah, dan antara objektif utama ajaran dalam ayat-ayat Makkiyat adalah untuk membersihkan jiwa manusia daripada syirik dan membebaskan mereka daripada pengejaran. daripada nafsu. Jika diteliti, hanya ibadah solat yang merupakan sebahagian

daripada hukum berkaitan syariat sahaja yang difardukan ketika Rasulullah melaksanakan misi dakwahnya. (al-Sayuti, 1986). Perkara ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam *surah Sad* ayat 71-85 dan juga dijelaskan dalam *surah al-Kahfi* ayat 50. Firman Allah SWT dengan terjemahan: *Dan (ingatlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam", lalu mereka sujud tetapi syaitan itu adalah dari golongan jin, lalu ia mendurhakai perintah Tuhannya. Oleh itu, patutkah kamu menjadikan syaitan dan keturunannya sebagai sahabat karib yang merupakan pemimpin selain daripadaKu? Sementara itu, mereka adalah musuh anda. Sangat buruk bagi kumpulan yang melakukan kesalahan: pengganti yang mereka pilih.*

4.2 Menentukan tafsiran surah al-Kahfi, ayat 40 hingga 46 menurut perspektif teori pertanian.

Menurut al-Razi dalam tafsir *al-Kabir*, kejadian tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan manusia adalah petanda alam sedang mengawalinya. Ianya begitu tersusun rapi kerana ada Allah Yang Maha Berkuasa yang menguasai setiap makhluk. Segala yang berlaku tidak berlaku secara kebetulan dan setiap bentuk kejadian tumbuhan adalah mengikut tugas semula jadi masing-masing. Pertanian telah menjadi teras penting dan strategik pertumbuhan ekonomi negara. Buah-buahan yang disebut secara khusus dalam al-Quran mempunyai banyak manfaat untuk kesihatan tubuh manusia. Faedah ini telah dibuktikan oleh kajian pemakanan. Kajian dan penyelidikan pertanian moden mendapati tanaman serupa (monokultur) menyebabkan kerosakan teruk pada tanah seperti kekurangan mineral, kemunculan pelbagai jenis penyakit tumbuh-tumbuhan dan banyaknya serangga perosak. *I'jaz 'ilmi* dalam ayat ini ialah tentang botani, iaitu kepelbagaian tumbuhan dalam satu bidang. (al-Razi, t.t). Ia juga telah dijelaskan menerusi *surah al-Kahfi*, ayat 22 hingga 23, dengan terjemahannya; *Dan berikanlah contoh kepada mereka: dua orang lelaki, Kami sediakan untuk seorang daripada mereka dua buah kebun anggur; dan Kami kelilingi kebun-kebun itu dengan pohon tamar, dan Kami jadikan di antaranya tumbuh-tumbuhan yang lain. Kedua-dua kebun mengeluarkan hasil mereka, dan tidak mengurangkan satu iota pun hasil itu; dan Kami jadikan juga sungai di antara mereka. Ayat ini menjelaskan kaedah untuk menyusun tiga jenis tumbuh-tumbuhan iaitu anggur yang mewakili tumbuhan menjalar dan dikelilingi oleh pokok tamar yang mewakili pokok yang tinggi dan di antara pokok anggur pula ditanam pokok sayur dan bunga. Kaedah penanaman ini akan membantu meningkatkan hasil pertanian. Pokok tamar bertindak sebagai dinding yang menghalang angin kencang daripada menimpa pokok yang menjalar. Begitu juga dengan pokok yang menjalar bertindak sebagai dinding terhadap pokok sayur dan akhirnya angin yang masuk tidak akan memusnahkannya. Manakala pokok sayur dan bunga berperanan dalam mengekalkan kesuburan dan kelembapan tanah dalam ekosistem serta mengekalkan akar pokok anggur daripada kering dengan terdedah kepada cahaya matahari dan haba (Nadiah Tayyarah, 2009). Melalui ayat ini, didapati bahawa tafsiran oleh *mufasssirin* dan kajian sains moden tidak mempunyai percanggahan, malah penemuan sains menyokong kebenaran ayat-ayat al-Quran. Selanjutnya menurut al-Razi, *surah al-An'am*, ayat 99, bahawa ayat ini mengikut keutamaan spesies tumbuhan dalam kehidupan manusia.*

Dalam tafsirannya, beberapa buah dalam ayat ini yang didahului dengan kurma kerana kurma merupakan salah satu sumber makanan masyarakat Arab serta mempunyai keistimewaan tersendiri yang tidak terdapat pada buah-buahan lain. (al-Razi, 1999). Selain itu, terdapat juga kajian yang dijalankan oleh al-Shahib, W dan Marshall, RJ bertajuk *The Fruit Of The Date Palm: Its Possible Use As The Best Food For The Future*, buah tamar boleh menjadi makanan yang sesuai untuk masa hadapan. Ia mengandungi 15 jenis garam dan mineral, kaya dengan vitamin, mempunyai kandungan karbohidrat yang tinggi iaitu 44 hingga 88%, kandungan serat antara 6.4 hingga 11.5%, kandungan protein antara 2.3 hingga 5.6%, kandungan lemak antara 0.2 hingga 5.6% dan minyak kandungan antara 0.2 hingga 0.6 %. Disamping itu, didapati protein buah tamar diperbuat daripada 25 jenis asid amino, sebahagian daripadanya tidak terdapat dalam buah-buahan popular seperti oren, epal dan pisang. Antara mineral yang terkandung dalam buah tamar ialah kalium (potassium), boron, kalsium, kobalt, besi, magnesium, mangan, fosforus, natrium (natrium), zink dan fluorin. Fluorin adalah mineral yang membantu meningkatkan kesihatan gigi. Selain itu, buah tamar juga mengandungi selenium iaitu sejenis bahan yang diperlukan oleh sistem pertahanan badan yang membantu mencegah kanser. Manakala, vitamin yang terkandung dalam buah tamar ialah vitamin C, B1, B2, asid nikotik dan vitamin A. Oleh itu buah

tamar boleh dianggap sebagai makanan yang ideal kerana mengandungi pelbagai khasiat yang bermanfaat untuk kesihatan manusia. Ia adalah berdasarkan laporan oleh *International Journal Of Food and Science Nutrition*. Gula yang terkandung dalam buah tamar kebanyakannya adalah koleksi glukosa dan fruktosa. Gula daripada kumpulan ini juga dikenali sebagai gula songsang. Antara kelebihanannya ialah ia diserap ke dalam badan dengan segera tanpa melalui proses pemprosesan yang dilalui oleh gula jenis yang lain. (Al-Shahib, W. and Marshall, R.J. 2003) Kenyataan ini telah disokong oleh Danial bahawa paras magnesium yang tinggi juga boleh mencegah kanser (Danial Zainal Abidin, 2010). Hal ini turut dipersetujui oleh Wahbah al-Zuhaili dengan menyatakan bahawa al-Quran mengutamakan menyebut tumbuh-tumbuhan daripada pokok kerana tumbuh-tumbuhan adalah makanan. Manakala buah-buahan daripada pokok ialah buah yang dimakan kerana makanan asas daripada buah-buahan. Manakala buah Kurma diutamakan daripada semua buah-buahan kerana ia adalah makanan asas orang Arab. Kurma juga adalah buah yang banyak disebut dalam Al-Quran. (Wahbah al-Zuhaili, 1997)

Demikianlah juga, ayat al-Quran juga menyatakan kepentingan air kepada tumbuh-tumbuhan melalui firman Allah menerusi surah *al-Haj*, ayat 5 dengan terjemahan: “Dan kamu melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai-bagai jenis tumbuhan yang indah.” Ayat ini merupakan petunjuk berkenaan keperluan asas tumbuhan iaitu tumbuhan hidup memerlukan air. Ayat-ayat al-Quran yang turut menyebut tentang tumbuh-tumbuhan dan air terdapat dalam Surah *al-Qaf* (50): 9-11, Surah *al-An'am* (6): 141, dan Surah *al-Nahl* (16): 10-11. Selain itu, terdapat juga ayat al-Quran yang menyebut tentang keseimbangan ekosistem berbanding kejadian tumbuhan. Seperti dalam firman Allah menerusi surah *al-Hijr*, ayat 19 dengan terjemahan: “Dan Kami hamparkan bumi dan Kami jadikan gunung-gunung di atasnya dan Kami tumbuhkan di atasnya segala sesuatu menurut ukuran.” Ayat ini menjelaskan bahawa Allah telah menciptakan bumi dan menjaga keseimbangannya dengan gunung-gunung untuk memastikan kekuatannya. Tambahan pula, turut dijelaskan oleh Allah SWT berkaitan dengan sukatan air hujan yang turun dan akan menyuburkan tumbuh-tumbuhan mengikut kadar yang tertentu sahaja. Firman Allah SWT menerusi surah *al-Zukhruf*, ayat 11 dengan terjemahannya; Dan (Dialah) yang menurunkan hujan dari sukatan yang tertentu, lalu Kami hidupkan dengan hujan itu negeri yang kering tandus tanahnya. Jelaslah di sini, air hujan yang turun dari langit adalah mengikut kadar keperluan. Jika ia berlebihan, akan menyebabkan musibah. Begitu juga ia tidak terlalu sedikit sehingga tidak mencukupi untuk keperluan tumbuhan dan tanaman. Ia adalah selaras dengan pandangan al-Maraghiy (al-Maraghiy, 1946), al-Tabari (al-Tabari, 2000) dan Wahbah Zuhaili (Wahbah Zuhaili, 1998).

Mereka menjelaskan “Biqadarain” bermaksud dengan ukuran tertentu. Kadar air hujan diturunkan secukupnya untuk kebaikan menyuburkan tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok. Begitu juga pendapat Ibnu Abbas, kadar ukuran air hujan itu tidak seperti turunnya air hujan kepada kaum Nabi Nuh tanpa ukuran sehingga menyebabkan banjir dan menghancurkan kaumnya. Tetapi tidak pula terlalu sedikit dari keperluan yang diperlukan oleh makhluk hidup (al-Qurtubi, 2003). Sayyid Qutb (Sayyid Qutb, 2003) juga menyatakan bahawa kadar air hujan disukat dengan kadar yang seimbang, tidak berlebihan sehingga menenggelamkan bumi atau terlalu sedikit sehingga menjadi kemarau yang tandus. Tidak juga melampaui batas ukuran sehingga menjadi sia-sia tiada faedah. Dalam konteks ini, setiap tumbuhan di bumi diciptakan oleh Allah SWT juga terdapat elemen timbangan yang seimbang dan adil. Firman-Nya menerusi surah *al-Hijr*, ayat 19 dengan terjemahannya, “Dan Kami tumbuhkan padanya tiap-tiap sesuatu yang tertentu timbangannya.” Ayat di atas ini telah dijelaskan oleh Ibnu Abbas bahawa *mawzun* bermaksud diketahui dan tertentu atau sebagai sesuatu yang mempunyai had dan ukuran timbangan tertentu yang diterima akal (al-Baidawi, t.t). Begitu juga telah didefinisikan oleh Sa'id, Ikrimah, Abu Malik, Mujahid, al-Hakam bin 'Uyainah, Abu Solih dan Qatadah iaitu yang ditentukan kadarnya. Menurut al-Maraghiy, perkataan “mauzun” disebut selepas perkataan “anbat”. Perkataan “mauzun” menunjukkan keperluan keseimbangan makanan yang diserap oleh tumbuh-tumbuhan dengan cara tertentu. Antaranya terdapat perbezaan keperluan kalium di antara tumbuh-tumbuhan. Keseimbangan pertumbuhan tumbuhan boleh diukur dengan keperluan kalium pada tahap tertentu (Saipolbarin, 2015). Antara keperluan kalium untuk tumbuhan adalah tebu sebanyak 34.4 peratus (%), jagung sebanyak 32.0 %, kentang sebanyak 61.5 % dan rumput sebanyak 34.6 %. (al-Maraghiy, 1946).

Begitu juga, Ahmad Musthafa al-Maraghi menjelaskan, bahwa *lafadz aljannat* diartikan sebagai kebun dan kebun anggur yang lebat dan rimbun akan menutup tanah di bawahnya dan menjadikannya tidak kelihatan. Kemudian kata *al-ma'rusyat* diartikan sebagai tumbuh-tumbuhan yang disandarkan pada tiang penyangga atau para-para yang diperbuat daripada kayu dan buluh, di atasnya diletakkan batang tumbuhan ini supaya kelihatan seperti bumbung rumah. Manakala perkataan *ghiru al-ma'rusyat* pula diartikan sebagai tumbuhan yang batangnya tidak diletakkan pada para-para. Maksudnya ialah terdapat dua jenis kebun iaitu kebun pokok anggur, dan kebun yang tidak menggunakan pokok anggur, seperti kebun yang berisi berbagai macam pohon yang batangnya tumbuh lurus, dan tidak menjalar ke pohon lain. Al-Maraghi menjelaskan lagi bahawa Allahlah yang menciptakan kebun-kebun dan kebun-kebun anggur yang pertama, sama ada ia mempunyai pokok atau tidak. Dan Allah jualah yang telah menciptakan pokok kurma dan pelbagai lagi tumbuh-tumbuhan yang pelbagai jenis, rasa, warna dan bentuk. Yang lebih luar biasa ialah walaupun pokok kurma adalah taman yang tidak tumbuh, Allah menyebutnya secara khusus dengan menyebutnya sendiri dalam ayat ini, kerana pokok kurma mempunyai banyak khasiat; kurma yang belum matang dimasukkan sebagai buah dan makanan; Kurma masak adalah makanan utama, kerana ia boleh disimpan dan mudah diperoleh. Selain itu, minuman yang lazat boleh dibuat dan diproses daripada kurma, dan banyak lagi khasiatnya. Manakala perkataan *zar'a* pula ditakrifkan sebagai tumbuhan yang merangkumi semua tumbuhan terutama yang menjadi makanan ruji seperti gandum dan kacang soya. Melalui ayat ini, Allah ingin menyampaikan bahawa Dialah yang telah menciptakan pelbagai jenis makanan untuk manusia dengan menumbuhkan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan di kebun dan ladang. Allah mengizinkan semua ini kepada manusia, dan tidak mengharamkan tumbuh-tumbuhan ini ke atas hamba-Nya, kerana larangan itu adalah hak Allah. Sesiapa yang mendakwa bahawa mereka mempunyai hak untuk melarang semua ini bermakna mereka telah mengangkat kepala mereka untuk menyekutukan Allah. (al-Maraghiy, 1946)

Sementara itu, al-Qurthubi dalam tafsirnya menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi tujuh perkara; *Pertama*, menerangkan tentang Allah SWT menurunkan air hujan dari langit, kemudian-Nya ditumbuhkan dengan air itu setiap jenis tumbuhan, yang menjadi rezeki bagi setiap haiwan. Kemudian dia mengeluarkan tumbuhan hijau dari tumbuh-tumbuhan iaitu sayur-sayuran hijau, malah mengeluarkan biji-bijian yang banyak dari tumbuhan hijau itu. *Kedua*, dijelaskan cara untuk meleraikan tangkai yang tergantung yang merupakan proses memecahkan tangkai kurma sehingga menjadi terjuntai dan dapat dicapai oleh orang yang berdiri atau duduk. *Ketiga*, Allah mengeluarkan kebun anggur, zaitun dan delima, baik yang serupa maupun yang tidak serupa. Antaranya bagi daun yang serupa adalah daun zaitun dan daun delima dari segi ketebalan dan saiz daun. Namun ia tidak sama dari segi rasa. Ini sebagaimana yang diriwayatkan oleh Qatadah. Menurut Ibnu Juraij pula, ia adalah persamaan yang dapat dilihat pada rupa bentuk, tetapi tidak sama dari segi rasa seperti dua jenis buah delima yang mempunyai warna yang sama tetapi rasa yang berbeza. *Keempat*, Allah menyuruh manusia memerhatikan buahnya ketika pohon itu berbuah, dengan pandangan yang penuh dengan renungan, bukan pandangan yang kosong dari renungan. *Kelima*, Allah juga menyuruh kita memerhatikan kedewasaan. Ayat ini menunjukkan orang yang *mentadabbur* dan memandang dengan mata kepala dan mata hatinya, menyedari bahawa setiap yang berubah pasti ada yang mengubahnya. *Keenam*, Allah menerangkan dalam ayat ini sesuatu yang baik tanpa ada kerosakan dan calar. Menurut al-Qurthubi, ia menjelaskan tahap kematangan buah kurma yang boleh dijual dan baik untuk dimakan serta bebas daripada kerosakan. (al-Qurtubi, 2003) Tambahan pula, sistem ladang juga dinyatakan oleh Allah SWT menerusi, *surah al-Nahl*, ayat 11 dengan terjemahannya: *Dengan itu (air hujan) Dia menumbuhkan untukmu tumbuh-tumbuhan, zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berfikir.* Sayyid Qutb menafsirkan ayat ini sebagai petunjuk kepada manusia untuk terus hidup di muka bumi. Ayat ini jelaskan juga mengenai sistem perladangan yang juga disebut dalam ayat sebelumnya, iaitu “dan bahagian-bahagian lain (menyuburkan) tumbuhan”. Seterusnya menerangkan tentang makanan dan buah-buahan yang sering diperlukan oleh manusia seperti buah zaitun, kurma, anggur dan jenis buah-buahan yang lain. Sayyid Qutb menjelaskan lagi bahawa Allah telah menyusun alam dengan sangat rapi mengikut alam ini khususnya untuk kehidupan manusia. Al-Qurtubi menjelaskan bahawa firman Allah diterjemahkan sebagai “*Dia menumbuhkan tumbuh-tumbuhan untuk kamu dengan air hujan; zaitun, kurma, anggur dan segala jenis buah-buahan*”. Allah SWT memberi manusia sifat-sifat

yang menjadikan mereka layak untuk hidup di bumi yang telah dibentangkan untuk mereka dan Dia jadikan sebagai buaian bagi mereka. Kedua-dua makna ini sangat rapat dan saling berkaitan. Bukit-bukit yang subur dan menghijau dihamparkan dan tidak memerlukan kerja keras penduduk untuk menanam tanaman dan menuai hasilnya. Allah itu maha berkuasa dan menjadikan bumi untuk manusia, menjadi tanah dan menurunkan air dari langit. Daripada hujan inilah terbentuk sungai dan air limpahan yang boleh menghasilkan pelbagai jenis tumbesaran yang bermanfaat untuk manusia dan haiwan. Dalam kitab tafsirnya, Ahmad Musthafa al-Maraghi menjelaskan bahawa Allah menurunkan air hujan dari langit, kemudian dengan air hujan itu Dia mengeluarkan berbagai jenis tanaman, seperti tanaman sekunder dan buah-buahan, baik yang masam maupun yang manis. Ia juga menghasilkan pelbagai manfaat, warna, aroma dan bentuk yang sesuai untuk manusia atau untuk haiwan. (al-Maraghi, 2001). Selanjutnya Allah SWT juga menyatakan tentang pertanian dalam surah yang lain. Antaranya *surah Ar-Ra'du*, ayat 4, *surah al-An'am*, ayat 99, *surah al-A'raf*, ayat 58, *surah al-Hijr*, ayat 19, *surah An-Nahl*, ayat 11, *surah Thaha*, ayat 53, *surah Saba'*, ayat 15 hingga 16, *surah Qaf*, ayat 7, dan *surah Qaf*, ayat 9. Selain daripada menjelaskan pertanian dalam perumpamaan, Allah juga menjelaskan bahawa dengan kurniaan menikmati hasil pertanian, dimaksudkan agar manusia sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan kepada mereka, seperti dalam *surah al-An'am*, ayat 141. Akhir sekali ia menunjukkan ayat-ayat al-Quran tentang pertanian di atas adalah amat penting bagi manusia yang bertujuan untuk mengetahui bagaimana Allah mengajar manusia melaksanakan aktiviti pertanian.

5.0 Kesimpulan

Menerusi kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap surah al-Kahfi ayat 32-46 terdapat beberapa pengajaran. Antaranya fitnah harta atau nikmat dunia perlu ditempuhi dengan keimanan. Tanpa keimanan akan wujud sifat sombong dan menganggap bahawa harta yang berada di tangan ini diperolehi hasil usaha sendiri semata-mata. Pemilik kebun yang diceritakan adalah manifestasi kisah fitnah harta yang berlaku dalam kalangan masyarakat. Pemilik dua buah kebun diberikan harta dari kualiti yang terbaik, dan juga dengan kuantiti yang terbaik. Namun dia bersifat bongkak dan menyatakan bahawa dialah yang memiliki kesemuanya itu, sedangkan tiadalah dia memiliki harta yang banyak itu melainkan dipinjamkan oleh Allah SWT untuk seketika sahaja. Demikianlah juga, Rasulullah SAW telah menjelaskan bahawa orang islam diperintah untuk bekerja dalam apa jua bidang sekalipun. Salah satu bidang yang penting pada masa kini adalah *agroculture*. Ia adalah berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Jabir Ibn Abdullah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda dengan terjemahannya, "*Barangsiapa yang memiliki tanah, hendaklah dia bercucuk-tanam padanya ataupun diserahkan tanah itu kepada saudaranya (untuk bercucuk-tanam)*." Riwayat Muslim (1536). Maka jelas di sini, bahawa Islam menggalakkan umat Islam untuk memenuhi bumi dan tanah yang terbiar dengan pertanian dan lain-lain yang mendatangkan hasil. Ini bertujuan untuk mendatangkan manfaat tanah tersebut. (Hajjaj (al), 1992). Demikianlah juga menurut al-Qaradhawi dengan tegas menyebut dalam kitabnya *al-Halal wa Haram* berkenaan dengan keperluan memanfaatkan tanah, antara lain katanya: "*Apabila seseorang Islam itu mempunyai tanah sawah yang sah menurut undang-undang, maka ianya hendaklah menggunakan tanah tersebut dan memanfaatkannya dengan bercucuk tanam*". (al-Qaradhawi, 1993) Islam membenci melihat tanah yang kosong kerana ianya dianggap mensia-siakan nikmat dan kehilangan harta. Nabi SAW sendiri sentiasa melarang manusia daripada mensia-siakan hartanya.

Maka terdapat banyak nas-nas daripada al-Quran dan Hadis menggesa orang Islam untuk bertani meskipun ketika kiamat hampir tiba sedangkan wujud pada tangannya semaian tanaman. Ia selaras dengan sabda Rasulullah SAW tentang kepentingan pertanian yang terjemahannya: "Jika terjadi hari kiamat sementara di tangan salah seorang dari kamu ada sebiji benih tanaman, maka jika dia mampu sebelum terjadi hari kiamat untuk menanamnya maka tanamlah." Riwayat Ahmad, al-Tayalisi dalam Musnadnya dan al-Bukhari (al-Albani, 2020). Begitu juga, Firman Allah SWT menerusi surah *al-An'am* ayat 99 dengan terjemahannya; "Dan Dialah yang menurunkan hujan dari langit, lalu kami tumbuhkan dengan air hujan itu segala jenis tumbuh-tumbuhan, kemudian Kami keluarkan daripadanya tanaman yang menghijau, Kami keluarkan pula dari tanaman itu butir-butir (buah-buahan) yang bergugus-gugus

dan dari pohon-pohon tamar (kurma), dan mayang-mayangnya (Kami keluarkan) tandan-tandan buah yang mudah dicapai dan dipetik; dan (Kami jadikan) kebun-kebun dari anggur dan zaitun serta delima, yang bersamaan (bentuk, rupa dan rasanya) dan yang tidak bersamaan. Perhatikanlah kamu pada buahnya apabila ia berubah, dan ketika masaknyanya. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi tanda-tanda (yang menunjukkan kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang beriman " Ayat ini telah ditafsirkan oleh Ibn Kathir dengan katanya: Berkenaan firman-Nya “انظروا إلى ثمره إذا أثمر وَيَنْعِهِ” (Perhatikanlah kamu pada buahnya apabila ia berubah, dan ketika masaknyanya), al-Barra’ bin ‘Azib, Ibn ‘Abbas, al-Dahhak, ‘Atha al-Khurasani, al-Suddi, Qatadah dan ulama’-ulama’ yang lain berkata: “Maksudnya fikirkanlah kekuasaan Penciptanya, daripada tidak ada menjadi ada, setelah sebelumnya dalam bentuk sepeh kayu, kemudian menjadi anggur dan kurma dan sebagainya daripada pelbagai ciptaan Allah SWT dalam bentuk pelbagai warna, bentuk, rasa dan aroma. (Ibn Kathir, 2020) Jelaslah, kajian ini adalah perlu bagi mengatasi ketidakupayaan manusia memahami ayat al-Quran serta mengelakkan pengaruh budaya asing yang akan merosakan agama Islam. Justeru dalam konteks kisah dalam *surah al-Kahfi* ia bukan sekadar penceritaan kisah menarik, bahkan bertujuan untuk menyuburkan nilai budaya positif dalam diri masyarakat.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Naisaburi al-Hakim. 1990. *al-Mustadrak ‘ala al-Shahihain*. Beirut: Daar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Zuhayli (Az), 1998. Wahbah. *Tafsir Al-Munir Fi al-‘Aqidah wa Asy-Syari’ah wa al-Manhaj*. Dimasyq: Dar al-Fikri.

Al-Sabuni, Muhammad ‘Ali. (T.th). *Safwat al-Tafasir*. Al-Qahirah: Dar al-Sabuni li al-Tiba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘.

Muhammad Kamil Abdushshamad. 2003. *Mukjizat Ilmiah Dalam al-Qur’an*. Alimin (terj.). Jakarta: Akbar Media Eka Sarana.

Siti Nur Aisyah Mohd Azemi Azman¹, Sarinah Yahya. 2019. *Membangun Peradaban Islam Menurut Al-Qur'an: Penelitian Surah Al-Kahfi*. Brunei: Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Wan Basyirah Abdul Majid. (2022). *Analisis Nilai-Nilai Budaya Dalam Kisah Surah Al-Kahfi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohamad Rouyan (2014). *Qissah Qur’aniyyah Dalam Surah Al-Kahf Menyerlahkan Pengajaran (‘Ibrah) dan Fadilat Surah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia

Francois Bourguignon & Maurizio Bussolo. 2013. *Income Distribution in Computable General Equilibrium Modeling*. Handbook Of Computable General Equilibrium Modeling 1, 1383-1437.

Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO). 2015. FAOSTAT. Retrieved from <http://www.faostat.fao.org> <https://core.ac.uk/reader/268877410> <https://www.usgs.gov/special-topics/water-science-school/science/kitaran-air-water-cycle-malay>

Al-Quran, terjemahan Retrieved from <https://www.iium.edu.my/deed/quran/malay/>

Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, (hlm. 1-18). Dipetik dari https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif

Ismail Ibn Kathir al-Dimasyq (2020). *Tafsir al-Qur'an al-Azim*. Giza :Maktabah Awlad al-Syeikh Li al-Turath

Tantawi, Muhammad Sayyid Dr. 1470H. *Banu Israil fi al-Quran wa al-Sunnah*. Al-Zahra li al-Islam al Arabi.

Ibn al-Kathir, Ismail. 1998. *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Tahqiq: Muhammad al-Husayn Shams al-Din). Jld. Juz. 1-4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ahmad Mustafa al-Maraghi, (2001). *Tafsir Maraghi*. Muhammad Thalib (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Wahbah Zuhaili, 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shari'at wa al-Manhaj*, Damsyiq: Dar al-Fikr, Retrieved from <https://archive.org/details/FiZilalAlQuran1/Fi%20Zilal%20al-Quran%201/>

Syed Qutb (2000). *Tafsir fi zilal al-Qur'an: Di Bawah Lembayung al-Qur'an*. Yusuf Zaky Haji Ayob (terj.) Kelantan : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahamad al-Ansari. 1387H. *Al-Jami li-Ahkam al-Quran*. Dar al-Katib al-Arabi

al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2012. *Ham' al-Hawami' fi Sharh Jam' al-Jawami'*. Jil. 1 & 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah

Nadiah Tayyarah. (2009). *Mawsu'ah al-I'jaz al-Qur'an fi al-'Ulum wa al-Tib wa al-Falaq*, Abu Dhabi: Maktabat al-Safa'.

Fakhr al-Din al-Razi, Abu Abdullah Muhammad bin Umar bin al Hasan bin al Husin (1999). *Mafatihul Ghayb*. Beirut: Dar el Ihya' al Turath al Arabiy.

Al-Shahib, W., and Marshall, R. J. 2003. The fruit of date palm: its possible uses as the best food for the future. *International Journal of Foods Science and Nutrition* 54:247–259.

Danial Zainal Abidin. 2010. *Qur'an Saitifik: Meneroka Kecemerlangan Qur'an daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur: PTS Millennia

Zuhayli (Az), 1998. Wahbah. *Tafsir Al-Munir Fi Al-'Aqidah wa Asy-Syari'ah wa al-Manhaj*. Dimasyq: Dar al-Fikri.

Ibnu Jaris Ath-Thabari,. Abu Ja'far Muhammad. 1988. *Jami'u'l-bayan 'an Ta'wil ayatil Quran*. Beirut: Darul Fikr